

Bas percuma setahun

S/Harian
5/7/2015
mls 42

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

SUBANGJAYA – Perkhidmatan bas percuma Selangorku selama setahun disediakan kerajaan negeri di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melibatkan laluan sepanjang 14.53 kilometer.

Exco Pelaburan, Perindustrian Industri Kecil Sederhana & Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Kim berkata, tawaran itu bermula 1 Julai lalu hingga 1 Julai tahun depan.

Menurutnya, kerajaan negeri memperuntukkan kira-kira RM1.2 juta termasuk enam peratus cukai perkhidmatan (GST) bagi menyediakan perkhidmatan bas itu.

"Empat buah bas Rapid KL digunakan, perkhidmatan bermula di hentian bas utama (depan bangunan MPSJ di Persiaran Bakti, USJ 5) dan melalui 19 perhentian.

"Ia bertujuan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam selain meringankan beban dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian yang menyebabkan kesesakan lalu lintas serta pencemaran alam sekitar," katanya selepas melancarkan perkhidmatan bas itu peringkat MPSJ, di USJ 7.

Beliau berkata, bas berkapasiti 60 penumpang, mesra orang kelainan upaya (OKU) serta mempunyai ke-



Perkhidmatan bas percuma untuk kegunaan kira-kira 700,000 penduduk di kawasan Subang Jaya.

mudahan WiFi itu bermula pada jam 6 pagi hingga 10 malam dengan kekerapan perjalanan selama 15 minit.

Katanya, kemudahan Bas Selangorku diintegrasikan dengan BRT (Bas Rapid Transit) yang memberi kemudahan kepada lebih 30,000 pelajar swasta di institusi pengajian tinggi sekitar Subang Jaya.

"Diharap kemudahan ini digunakan 700,000 penduduk Subang Jaya

termasuk warga asing," katanya.

Penduduk boleh menggunakan perkhidmatan itu dari bangunan MPSJ ke Stesen 7 BRT Laluan Sunway dan seterusnya ke Stesen Komuter Subang Jaya.

Katanya, seiring dengan matlamat ke arah Bandar Hijau 2030, MPSJ turut menyatakan cadangan menggunakan bas elektrik (Electric Vehicle) tahun depan.



Peta laluan perkhidmatan Bas Selangorku di kawasan MPSJ.